

**ZAHIAH HARIS @ HARITH  
MUSTAPHA KAMAL AHMAD KASSIM**

# **Pendidikan Islam Kursus Perguruan Lepas Ijazah di Institut Pendidikan Guru Malaysia: Kaedah dan Proses Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan**

**ABSTRAK:** Pendidikan Islam adalah pendidikan yang memberi penekanan kepada tanggungjawab seorang hamba terhadap pencipta alam ini, iaitu Allah SWT (Subhanahu Wa-Ta'ala) dan mematuhi tuntutan terhadap keimanan tersebut dengan melaksanakan segala yang diperintahkan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Seajar dengan itu, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (BPG KPM) telah menggubal kurikulum Pendidikan Islam untuk setiap kursus perguruan yang ditawarkan di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Melahirkan insan guru yang berketerampilan dalam semua aspek, iaitu sahsiah, ilmu pengetahuan dan kemahiran profesional, serta nilai kerohanian yang positif adalah matlamat kurikulum Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Tujuan kurikulum ini untuk melatih bakal guru supaya dapat menjadi model (qudwah hasanah) kepada para pelajar, ibu bapa, keluarga, dan masyarakat; di samping dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah serta berkhidmat untuk pembangunan negara dan bangsa. Justeru itu, kaedah pengajaran bagi setiap bidang dan faktor-faktor yang membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan hendaklah diberi perhatian bagi memastikan kurikulum ini dapat mencapai hasil pembelajaran yang berkesan.

**KATA KUNCI:** Pendidikan Islam, kaedah pengajaran, proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, serta Institut Pendidikan Guru Malaysia.

---

Zahiah Haris @ Harith dan Mustapha Kamal Ahmad Kassim ialah para Pelajar Ijazah Kedoktoran di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam UM (Universiti Malaya), 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Alamat emel mereka adalah: [zahiah1970@yahoo.com.my](mailto:zahiah1970@yahoo.com.my) dan [musza1968@yahoo.com.my](mailto:musza1968@yahoo.com.my)

## **PENGENALAN**

Pendidikan Islam adalah pendidikan yang bersumberkan dua sumber utama, iaitu Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Proses pendidikan Islam adalah berbeza dengan proses pendidikan yang lain kerana ianya berasaskan kepada mentauhidkan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) sebagai Pencipta alam ini dan Nabi Muhammad SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) sebagai pesuruh-Nya. Oleh yang demikian, setiap ilmu yang disampaikan dalam pendidikan Islam semestinya berada di atas landasan yang telah ditetapkan, sebagaimana yang terdapat di dalam dua sumber utama tersebut. Pada hakikatnya, proses pendidikan Islam ini berlaku bermula dari rahim ibu seseorang individu hinggalah meninggal dunia.

Terdapat pelbagai definisi mengenai "Pendidikan Islam", di antaranya ialah "*suatu proses melaksanakan falsafah pendidikan dan menterjemahkannya secara realiti dalam usaha membina insan dan memasyarakatkannya mengikut falsafah Islam yang berasaskan prinsip-prinsip nilai yang dibawa oleh Islam*" (Zawawi Hj Ahmad, 1994). Manakala Khursyid Ahmad (1978) memberikan takrifan tentang pendidikan Islam seperti berikut:

Pendidikan Islam ialah proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani, dan emosi manusia berasaskan sumber wahyu, iaitu Al-Qur'an dan Al-Sunnah, pengalaman *Salaf al-Salih* serta ilmu *mu'tabar* untuk melahirkan insan salih yang mampu memikul tanggungjawab khalifah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah S.W.T. ke atas manusia supaya mengimarahkan alam ini untuk kebahagiaan hidupnya di dunia dan akhirat (dalam Abdul Halim El-Muhammady, 1993).

Berdasarkan beberapa pendapat mengenai Pendidikan Islam, maka dapatlah disimpulkan bahawa Pendidikan Islam adalah pendidikan yang sangat penting bagi setiap peringkat individu Muslim. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), di bawah Bahagian Pendidikan Islam, telah diamanahkan untuk memastikan pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam dilaksanakan secara profesional di sekolah-sekolah di Malaysia. Peringkat-peringkat pelaksanaan Pendidikan Islam dalam Kementerian Pelajaran Malaysia adalah bermula dari peringkat Pra-sekolah, tahap 1 di Sekolah Kebangsaan (Kurikulum Baru Sekolah Rendah), tahap 2 di Sekolah Kebangsaan (Kurikulum Baru Sekolah Rendah), Menengah Rendah (Kurikulum Baru Sekolah Menengah), Menengah Atas (Kurikulum Baru Sekolah Menengah), dan Tingkatan Enam (BPI KPM, 2011:4).

Kepentingan Pendidikan Islam bukan hanya ditekankan di peringkat sekolah kebangsaan dan sekolah menengah sahaja tetapi ianya juga diberi penekanan kepada peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seperti yang

dilaksanakan oleh Institut Pendidikan Guru (IPG). Institut ini juga adalah dibawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang berperanan mendidik bakal guru pada masa akan datang. Oleh itu semasa dalam pengajian di IPG, bakal guru diwajibkan mempelajari Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran teras selama satu semester bagi Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) sebanyak satu kredit bersamaan 15 jam, manakala Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) pula sebanyak 3 kredit bersamaan 45 jam. Di antara bidang yang diajar dalam Pendidikan Islam bagi kedua-dua kursus tersebut ialah Tilawah al-Quran, Aqidah, Ibadah, Sirah, dan Akhlak (KPM, 2003).

Bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di IPG, maka para pensyarah Pendidikan Islam telah disarankan untuk menggunakan beberapa kaedah yang sesuai semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Maka artikel ini bertujuan untuk membincangkan beberapa kaedah pengajaran yang disarankan oleh Bahagian Pendidikan Guru KPM bagi setiap bidang Pendidikan Islam dan faktor-faktor yang boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam KPLI di IPG.

## **KAJIAN LITERATUR**

Institut Pendidikan Guru (IPG) ditubuhkan sebagai institut latihan yang khusus dalam bidang keguruan. Ianya mempunyai budayanya sendiri selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru. Tanggungjawab IPG adalah untuk melahirkan insan guru yang mempunyai integriti dan kredibiliti yang boleh diteladani. Guru pelatih akan dilatih agar mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang diceburi, beradab, beramal, dan boleh menjadi contoh teladan kepada para pelajarnya. Sehubungan dengan itu, terdapat tujuh dimensi budaya IPG yang dibina dan dibentuk untuk melahirkan guru yang berketrampilan dan berkualiti, iaitu: ilmu, kepimpinan, kerja profesional, akhlak dan moral, penyayang, hidup sihat, dan estetika (KPM, 2006).

Oleh yang demikian, IPG mewajibkan Pendidikan Islam dipelajari oleh bakal guru agar mereka dapat menjadi guru sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini. Bagi memastikan pembelajaran Pendidikan Islam berkesan dan diminati untuk dipelajari oleh bakal guru, maka pensyarah Pendidikan Islam hendaklah menggunakan kaedah pengajaran yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Setiap bidang dalam Pendidikan Islam mempunyai kaedah yang berbeza untuk digunakan dalam proses pengajaran agar ianya berkesan dan mencapai objektif yang digariskan. Justeru itu, artikel ini akan

membincangkan faktor-faktor yang perlu ada untuk memastikan kaedah pengajaran yang berkesan dalam Pendidikan Islam di IPG.


Bagi memenuhi salah satu dimensi budaya IPG, iaitu akhlak dan moral, maka semua guru pelatih bagi semua kursus yang menjalani latihan perguruan di IPG diwajibkan mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam bagi yang beragama Islam dan Pendidikan Moral bagi yang bukan Islam. Bagi guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) yang menjalani latihan selama setahun, diwajibkan mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam dalam tempoh pengajian mereka. Mata pelajaran ini mesti dipelajari dalam masa 15 jam bersamaan 1 kredit. Tajuk yang ditetapkan untuk dipelajari oleh guru pelatih ialah Tilawah Al-Quran dan Hafazan, Aqidah, Ibadah, Akhlak, dan Moral.

**Mengenai Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KPLI di IPG.** Perbincangan dalam kertas kerja ini memberi tumpuan kepada Sukatan Pelajaran Pengajian Asas Pendidikan Islam bagi pelajar Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI SR). Sukatan ini merupakan satu usaha yang berterusan dalam menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah. Ia bertujuan untuk melahirkan insan berilmu, berperibadi mulia, berkemahiran, dan bersikap positif untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar, dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat. Tujuan ini sesuai dengan hasrat Bahagian Pendidikan Guru (BPG) untuk melahirkan insan guru yang berakhlak mulia, berpandangan progresif, saintifik, dan bersedia menjunjung aspirasi negara, menjamin perkembangan individu, dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu-padu, demokratik, progresif, dan berdisiplin. Sukatan ini juga diharapkan dapat melahirkan insan guru yang berketrampilan, berilmu, beramal, menjadi model yang baik atau *Qudwah Hasanah* kepada murid dan masyarakat, berbakti kepada negara, serta melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah (KPM, 2003).

Selepas mempelajari Pendidikan Islam KPLI SR ini, antara objektif yang ditetapkan, ialah diharapkan guru pelatih dapat: (1) Membaca, memahami, dan menghafaz ayat-ayat Al-Quran dengan betul serta mengamalkan pengajarannya; (2) Mengetahui, memahami, dan menghayati Aqidah Islamiah dan asas-asas penting yang berkaitan dengannya; (3) Mengenal pasti dan menghindarkan diri daripada perkara-perkara yang merosakkan Aqidah; (4) Mengetahui, memahami, dan mengamalkan perkara-perkara yang berhubung dengan *Fardu 'Ain* dan Asas Hukum Islam; serta (5) Menghayati dan mengamalkan akhlak Islam dalam kehidupan serta mengaitkannya dengan wawasan negara dan mengetahui dan memahami konsep *tasawwur* Islam (KPM, 2003).

Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KPLI SR adalah program bagi menyediakan guru untuk memenuhi keperluan semasa. Sejalan dengan itu, strategi pelaksanaannya menggunakan pendekatan *Developmental* berdasarkan kepada kesinambungan penguasaan kemahiran dan amalan yang seimbang antara aspek teori dan amali. Para pensyarah digalakkan menggunakan pendekatan yang berpusatkan pelajar dan berbentuk kontekstual seperti kaedah tunjukcara, perbincangan kumpulan, sumbangsaran, forum, simulasi, lawatan, refleksi, amali, dan penggunaan *Information and Communication Technology* (ICT) dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

**Mengenai Model Konseptual Pendidikan Guru.** Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KPLI SR (Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah) digubal menepati Model Konseptual Pendidikan Guru yang dibina berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Guru (FPG) yang menekankan kepentingan tiga aspek asas, iaitu: pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang disepadukan merentasi semua disiplin mata pelajaran serta program yang dirancang seperti gambar rajah 1 di bawah ini:



**Rajah 1:**  
Model Konseptual Pendidikan Guru

Gambar rajah 1 mengenai Model Konseptual Pendidikan Guru di atas mengutamakan akauntabiliti guru kepada tiga dimensi utama, iaitu kendiri,

kemasyarakatan, dan ketuhanan. Citra ketiga-tiga dimensi ini dijemakan dalam program yang dirancang seperti berikut: (1) **Ketuhanan**: Menganjurkan peningkatan ilmu, penghayatan, dan amalan individu sebagai insan yang percaya dan patuh kepada ajaran agama; (2) **Kemasyarakatan**: Menekankan peranan guru sebagai pendidik, pemimpin, dan sebagai agen perubahan; serta (3) **Kendiri**: Menjurus kepada pembinaan daya ketahanan, patriotisme, pemupukan budaya ilmu, pembentukan sahsiah, dan berpekeri mulia.

Selaras dengan FPK dan FPG, model ini menggambarkan suatu usaha membina kekuatan dan ketahanan diri guru berasaskan kepatuhan kepada Tuhan dan kesejahteraan bermasyarakat. Hasrat ini dapat dicapai menerusi pelaksanaan kurikulum pendidikan guru yang menyatupadukan aspek-aspek pengetahuan, kemahiran iktisas, dan amalan nilai-nilai keguruan (KPM, 2003).

### **KAEDAH-KAEDAH PENGAJARAN YANG DISARANKAN**

Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan dan menepati objektif yang telah ditetapkan, maka berikut adalah kaedah-kaedah yang disarankan oleh Bahagian Pendidikan Guru bagi setiap bidang dalam Pendidikan Islam, iaitu:

*Pertama*, **Bidang Tilawah Al-Quran dan Hafazan**. Kaedah yang dicadangkan untuk bidang Tilawah Al-Quran dan Hafazan ialah *talaqqi musyafahah, tikkar, hafazan, dan tasmi'*. Kaedah *talaqqi musyafahah* ialah pensyarah secara berhadapan dengan pelajar dan menunjukkan cara membaca ayat-ayat Al-Quran dengan sebutan yang betul. Semasa pensyarah membaca ayat-ayat Al-Quran, pelajar dapat melihat cara yang betul melalui pergerakan mulut dan bibir pensyarah. Manakala kaedah *tikkar* pula ialah pensyarah meminta para pelajar mengulang-ngulang beberapa kali bacaan Al-Quran agar mudah mengingat dan menghafaznya. Seterusnya apabila para pelajar sentiasa mengulang-ngulang membaca ayat Al-Quran, sudah pasti mereka dapat menghafaznya. Bagi sukatan Pendidikan Islam KPLI SR (Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah), mereka diwajibkan menghafaz Surah an-Nas hingga Surah ad-Dhuha.

Menurut Ghazali Darusalam (2001) menyatakan bahawa terdapat tiga peringkat *hafazan*, iaitu yang pertama ialah mempelajari sesuatu tanpa memberi perhatian kepada kefahaman. Peringkat ini paling rendah dalam *hafazan*. Seterusnya peringkat kedua, iaitu peringkat *hafazan* dan kefahaman. Peringkat ini memerlukan kefahaman bahan yang di-*hafaz*. Biasanya, *hafazan* berlaku dengan cepat dan dapat dibekalkan dalam ingatan. Manakala peringkat ketiga ialah *hafazan* dengan kefahaman dan analisis. Peringkat ini adalah tertinggi kerana ia memerlukan fikiran

yang matang. Setelah para pelajar berjaya meng-*hafaz* surah-surah yang telah ditetapkan, maka pensyarah akan mendengar bacaan Al-Quran para pelajarnya bagi menentukan bacaan tersebut betul mengikut hukum *tajwid*. Kaedah ini ialah kaedah *tasmi'*.

**Kedua, Bidang Aqidah.** Bagi bidang Aqidah, kaedah yang dicadangkan ialah perbincangan, bengkel, sumbangsaran, refleksi, dan pengajaran berbantuan komputer. Kaedah perbincangan adalah kaedah yang amat digalakkan oleh Imam As-Syafie kerana sesuatu permasalahan yang timbul dapat dibincangkan tanpa ada sekatan untuk mengeluarkan pendapat selagi ia tidak bertentangan dengan hukum Islam (Ahmad Mohd Salleh, 2004). Hal demikian amat penting dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam KPLI SR kerana bakal guru boleh berbincang mengenai bidang Aqidah berdasarkan ilmu, pengalaman, dan isu semasa yang berkaitan dengan bidang ini. Isi kandungan bidang ini ialah mengenai konsep aqidah, asas aqidah Islamiah, konsep syahadah, rukun iman, dan kerosakan aqidah.

Kaedah lain yang dicadangkan dalam bidang ini ialah mengadakan bengkel yang membincangkan mengenai tajuk-tajuk tersebut. Bilangan pelajar dalam sesebuah bengkel lebih-kurang lima hingga sepuluh orang. Setiap bengkel diberikan sebuah tajuk yang berkaitan dengan bidang ini untuk diselesaikan. Oleh itu, setiap pelajar dalam bengkel tersebut hendaklah memberi pendapat untuk menyelesaikannya. Kaedah ini juga disebut sebagai sumbangsaran. Bagi memastikan pelajar lebih memahami bidang ini, pensyarah juga menggalakkan para pelajar membuat refleksi. Refleksi bermaksud para pelajar diminta membuat *muhasabah*, penilaian terhadap sesuatu isu aqidah yang berlaku pada seseorang individu, keluarga, masyarakat, dan negara. Pensyarah Pendidikan Islam juga menggunakan pengajaran berbantuan komputer seperti menggunakan komputer dan LCD untuk memaparkan nota-nota yang diajar melalui paparan *power point* dan video (cerita tentang kerosakan aqidah). Melalui cara ini, pengajaran lebih menarik minat pelajar untuk mempelajarinya.

**Ketiga, Bidang Ibadah.** Bidang Ibadah pula, kaedah yang dicadangkan ialah perbincangan, sumbangsaran, amali, simulasi, kolaborasi, dan pembelajaran koperatif. Tajuk yang ditetapkan dalam bidang ibadah ialah konsep ibadah yang membincangkan mengenai ibadah khusus dan ibadah umum. Seterusnya menekankan amali solat dari aspek solat berjemaah, imam dan bilal, makmum *masbuq* dan *muwafiq*, sembelihan, dan pengurusan jenazah. Bertepatan dengan tajuk tersebut, maka kaedah yang telah dicadangkan seperti perbincangan dan sumbangsaran untuk tajuk konsep ibadah. Begitu juga kaedah amali, simulasi, kolaborasi, dan

pembelajaran koperatif amat sesuai bagi tajuk amali solat, sembelihan, dan pengurusan jenazah.

Kaedah amali ialah kaedah yang dapat memberikan para pelajar peluang untuk berinteraksi secara terus dengan isi dan situasi pembelajaran, memperoleh pengalaman langsung dalam memperoleh kemahiran, pengetahuan, kesimpulan, dan celik akal. Kaedah eksperimen, demonstrasi, dan praktikum juga termasuk dalam kaedah amali (Ahmad Mohd Salleh, 2004).

Seterusnya, kaedah simulasi juga amat sesuai untuk bidang ini. Kaedah simulasi merupakan situasi pembelajaran dalam keadaan terkawal dan sengaja diwujudkan yang menyerupai situasi sebenar dengan tujuan menjalankan latihan menyelesaikan sesuatu masalah. Terdapat dua jenis kaedah ini, iaitu sosiodrama dan main peranan. Sosiodrama adalah aktiviti lakonan yang menarik berdasarkan sesuatu cerita. Manakala main peranan pula ialah lakonan spontan melibatkan sekumpulan pelajar. Kaedah ini boleh diaplikasi untuk tajuk solat berjemaah, *masbuq* dan *muwafiq*, sembelihan, dan pengurusan jenazah.

Pembelajaran koperatif ialah pelajar belajar secara kerjasama dalam bilik darjah. Langkah-langkah pembelajaran koperatif ialah guru menyampaikan terlebih dahulu pelajaran baru. Seterusnya, pelajar membentuk kumpulan untuk membincangkan secara koperatif tentang pelajaran yang disampaikan oleh guru. Pemberian ujian untuk mengesan pencapaian pelajar dalam kumpulan. Pelajar yang menunjukkan pencapaian yang cemerlang akan diberi pujian.

**Keempat, Bidang Akhlak dan Moral.** Seterusnya, cadangan kaedah untuk bidang Akhlak dan Moral pula ialah kuliah, perbincangan, simulasi, forum, kajian masa depan, pengajaran kontekstual, refleksi, dan aktiviti kumpulan. Tajuk-tajuk bagi bidang ini ialah konsep akhlak dan moral, perbezaan antara akhlak dan moral, akhlak dan moral dalam kehidupan, sifat-sifat *mahmudah*, isu-isu berkaitan akhlak dan moral, serta Rasulullah SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) sebagai *qudwah hasanah*.

Kaedah kuliah merupakan kaedah yang sering digunakan oleh kebanyakan pensyarah. Pensyarah menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar secara satu hala. Bagi memantapkan kaedah ini, pensyarah hendaklah memberi masa selepas kuliahnya selama sepuluh hingga dua puluh minit agar pelajar dapat mengemukakan soalan terhadap isi pelajaran yang tidak difahami. Keadaan ini boleh mengwujudkan suasana perbincangan.

Perbincangan (*Al-Muhadasah*) adalah kaedah yang melibatkan dua atau lebih individu bagi mendapatkan pandangan yang bernas mengenai sesuatu isu. Kaedah ini digunakan oleh Rasulullah SAW dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, kefahaman, dan pendidikan. Contoh perbincangan berlaku



ialah perbincangan antara Baginda dengan sahabat besar dalam masalah tawanan perang. Kaedah ini menggalakkan pertukaran idea secara bebas antara beberapa orang pelajar tentang sesuatu topik. Perbincangan kelas untuk merangsang minat pelajar-pelajar dan membimbing mereka mendapatkan pengetahuan yang baharu serta memerlukan perancangan yang rapi (Ahmad Mohd Salleh, 2008).

Dalam bidang ini juga, pensyarah dicadangkan untuk menggunakan strategi pembelajaran kajian masa depan. Ianya adalah satu strategi secara saintifik yang dibina untuk menambah keupayaan pelajar dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup dan membuat keputusan terbaik dan bertanggungjawab. Konsep asas pembelajaran ini ditujukan kepada kesedaran dan rangsangan pelajar supaya mereka dapat berfikir tentang sesuatu isu, masalah yang bakal dihadapi, dan peluang yang bakal diperolehi.

Pengajaran secara kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman harian individu, masyarakat, dan alam pekerjaan. Ianya juga pembelajaran yang dirancang mengikut konteks yang berasaskan kepada kurikulum dan objektif pembelajaran. Dalam pembelajaran kontekstual, pensyarah hendaklah menyediakan pembelajaran secara konkrit yang melibatkan aktiviti *hands-on* dan *minds-on*. Oleh itu, pelajar dapat memproses maklumat dan pengetahuan baru dengan cara bermakna. Kaedah ini melibatkan pelbagai aspek persekitaran seperti bilik darjah, makmal, tempat kerja, dan kehidupan seharian. Strategi pemudahcara melalui penyoalan, contoh, dan bantuan juga seharusnya digunakan dalam kaedah pengajaran kontekstual.

Kaedah refleksi juga dicadangkan dalam bidang ini. Ini adalah kerana melalui refleksi, pelajar dapat membuat penilaian terhadap sesuatu isu dari segi kekuatan, kelemahan, dan cara mengatasi sesuatu isu tersebut. Secara tidak langsung, pelajar dapat berfikir untuk menyelesaikan sesuatu masalah, terutamanya yang berkaitan dengan akhlak dan moral.

Kaedah aktiviti kumpulan juga dicadangkan dalam bidang ini. Ia merupakan pengajaran yang berorientasikan pelajar berasaskan kebolehan pelajar. Kaedah membentuk kumpulan adalah berdasarkan sama atau pelbagai kebolehan. Bagi kumpulan yang sama atau pelbagai kebolehan, kebiasaannya terdapat tiga kumpulan, iaitu cerdas, sederhana, dan lambat. Ahli kumpulan sama kebolehan boleh bertukar mengikut mata pelajaran. Kumpulan bagi pelbagai kebolehan sesuai untuk aktiviti seperti permainan, simulasi, perbincangan, projek, dan uji kaji. Dalam kaedah ini, perhatian perlu diberikan kepada bahan bantu mengajar dan penyusunan tempat duduk di kelas.

## **FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBANTU PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERKESAN**

Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam berkesan, maka setiap pensyarah hendaklah memberi perhatian kepada lima faktor berikut, iaitu:

*Pertama*, **Memberi Perhatian kepada Empat Dimensi Konsep Pengajaran yang Berkesan**. Empat dimensi konsep pengajaran yang berkesan ialah perancangan, penyampaian, penilaian, serta dorongan dan motivasi. Maksud dimensi perancangan ialah pensyarah hendaklah sentiasa membuat persediaan yang cukup untuk mengajar. Maksud persediaan mengajar yang cukup ialah membuat persediaan yang awal, sensitif kepada perbezaan individu dari segi keupayaan kognitif am, iaitu kecerdikan, menyelami masalah yang dihadapi oleh pelajar dengan bahan pengajaran, berusaha mengetahui masalah yang akan muncul, bersedia mempermudah pelajar memahami definisi baru dengan memberi pelbagai contoh untuk menjelaskan contoh, menyusun pelajaran dalam susunan yang baik dan logik, merancang dengan mempelbagaikan aktiviti pengajaran agar pelajar lebih mudah untuk memahami isi pelajaran, dan yang paling penting memulakan pengajaran dengan set induksi yang berkaitan dengan tajuk pelajaran dan menarik minat pelajar.

Seterusnya, dimensi kedua iaitu penyampaian pengajaran. Maksudnya ialah mempunyai konsep pengajaran yang berbeza dan fleksibel. Pensyarah hendaklah sentiasa menyoal banyak soalan kepada para pelajar untuk memastikan sejauhmana pemahaman pelajar terhadap isi pelajaran yang telah diajar; mengamalkan lima tingkah-laku semasa mengajar, iaitu pengajaran yang jelas, arahan yang pelbagai, memberi tugas berorientasikan pelajar, melibatkan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran serta menetapkan kadar kejayaan pelajar; menggunakan pelbagai pengalaman pembelajaran dan alat bantu mengajar, aplikasi teknologi maklumat terkini, pendekatan yang fleksibel dan pelbagai, menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif, dapat berkomunikasi dengan pelajar secara baik dan berkesan, memberikan penerangan yang jelas, mudah didekati, mudah mesra, mengambil berat konsep sendiri pelajar, memberi maklum balas ke atas kerja pelajar dengan baik, membuat permintaan yang munasabah ke atas tugas pelajar dan bersedia untuk mengubah suai rancangan pelajaran, berusaha menyusun dan menghasilkan kelas yang produktif, serta peka dengan keadaan kelas dan dapat menangani masalah disiplin yang berlaku dengan segera.

Seterusnya, kita beralih pula kepada dimensi ketiga, iaitu penilaian.

Dimensi ini mempunyai hubungan yang rapat dengan dua dimensi yang kita bincangkan sebelum ini. Sebagai pensyarah yang berkesan dalam dimensi ini, guru hendaklah amat sensitif dengan pencapaian pelajar serta mempunyai ilmu mengenai konsep kriteria penilaian yang luas untuk menilai pengajaran secara am. Tambahan pula mempunyai pengetahuan yang mantap terhadap pencapaian pelajar dalam ujian dan peperiksaan, sentiasa memantau, dan membuat tafsiran prestasi para pelajar.

Dimensi terakhir pula dari segi dorongan, iaitu sentiasa memberi motivasi kepada pelajar. Dorongan dan motivasi yang dimaksudkan ialah seorang pensyarah sebaiknya sentiasa menasihati para pelajar agar sentiasa sedar akan tujuan mereka belajar dan cara belajar yang berkesan agar dapat mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran. Sekiranya terdapat pelajar yang gagal, pensyarah akan sama-sama berbincang dengan pelajar agar jalan penyelesaian dapat ditemui dan diaplikasi oleh pelajar tersebut. Jelas kepada kita bahawa pensyarah yang berkesan amat berperanan untuk menjadi *role model* terbaik agar menjadikan para pelajar mereka seronok dan menghasilkan pengalaman pembelajaran yang lebih positif kepada pelajar.

**Kedua, Melaksanakan Pelbagai Peranan sebagai Guru.** Seterusnya kita beralih pula kepada faktor yang kedua, iaitu pensyarah hendaklah menunaikan pelbagai peranannya sebagai pendidik, pemudah cara, perunding, pengurus, pengkaji, kaunselor, dan *role model* amatlah penting bagi memastikan beliau dapat menjadi guru yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah kerana semua peranan ini amatlah berkait rapat di antara satu sama lain bagi menjayakan matlamat pendidikan agar perubahan tingkah-laku berlaku sebagaimana yang telah digariskan.

**Ketiga, Melaksanakan Pelbagai Kaedah Pengajaran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran.** Menurut Bryan Coombs (2009), tiada satu cara yang “betul” dalam kaedah pengajaran. Mengajar adalah merupakan satu cabaran kerana sekiranya hanya satu kaedah yang digunakan oleh guru, ianya boleh membosankan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Justeru itu, sebagai seorang pensyarah Pendidikan Islam, mereka hendaklah sentiasa memandang ke hadapan dan berfikir untuk mencari kaedah pengajaran yang berlainan, yang mutakhir agar hasil pembelajaran dapat dicapai sebagaimana yang digariskan.

Mereka juga hendaklah sentiasa mencari kaedah pengajaran yang terkini dan sesuai dengan para pelajar agar proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah berkesan dan dapat mencapai hasil pembelajaran. Begitu juga, sewajarnya mereka membuat analisis bagi setiap kaedah pengajaran yang digunakan sekarang dan kaedah yang terkini (diperolehi melalui

pembacaan atau inovasi) dari segi kekuatan dan kesesuaian dengan pengetahuan, latar belakang, sikap, minat, serta kebolehan pelajar mereka. Ianya selaras dengan pendapat Rosie Turner-Bisset (2009), iaitu bahawa guru hendaklah menggunakan kaedah mengajar yang boleh mengekalkan momentum kerja pelajar; manakala Yvonne Bender (2008) berpendapat bahawa guru sewajarnya merangsang pelajar untuk bekerjasama dalam aktiviti kumpulan.

**Keempat, Mewujudkan Pengurusan Bilik Darjah yang Berkesan.** Faktor ini pula ialah untuk menjadi pensyarah Pendidikan Islam yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, mereka hendaklah memastikan bahawa pengurusan bilik darjah dapat diuruskan dengan baik kerana ianya adalah antara faktor yang penting dan mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran agar dapat mencapai matlamat yang digariskan.

**Kelima, Mempunyai Komunikasi yang Berkesan dan Sentiasa Memberi Motivasi kepada para Pelajar.** Robiah Sidin (1998) menyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan komunikasi. Terdapat tiga jenis ilmu yang hendak disampaikan kepada para pelajar, iaitu fakta, pembentukan sikap, dan kemahiran. Menurut Gilbert Highet (1964) dan Robiah Sidin (1998), komunikasi boleh didefinisikan sebagai proses menyampaikan pemikiran dari satu minda kepada minda yang lain. Manakala Abdull Sukor Shaari (2008) pula mendefinisikan komunikasi yang berkesan ialah berkomunikasi dalam jarak yang dekat, terbuka, hubungan mata yang baik, penggunaan bahasa yang jelas, sesuai dan mudah difahami, pergerakan badan yang betul dan sesuai, intonasi suara yang jelas, menarik dan tidak membosankan, serta guru hendaklah banyak berinteraksi dengan pelajar dalam kelas.


Komunikasi yang berkesan dan memberi motivasi kepada para pelajar adalah penting untuk memastikan segala yang disampaikan oleh guru dapat difahami oleh para pelajar dan mereka sentiasa berada dalam keadaan minat dan bersungguh-sungguh untuk menuntut ilmu. Tanpa kedua-dua aspek ini sukar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai objektifnya.

Jelas kepada kita bahawa untuk menjadi pensyarah yang berkesan bukanlah perkara yang mudah, terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu diharapkan lima faktor yang telah diperincikan sebelum ini dapat membantu pensyarah Pendidikan Islam untuk membuat analisis terhadap pengalaman masing-masing, samada kelima-lima faktor di atas telah dilaksanakan semaksima mungkin atau sebaliknya. Sekiranya masih minimum maka mulakanlah secepat mungkin agar matlamat kita dalam pengajaran dan pembelajaran tercapai.

Kefahaman seorang pensyarah Pendidikan Islam yang berkesan akan peranannya merupakan sumber utama pengetahuan telah bertukar kepada peranannya sebagai pemudah cara dalam pengajaran dan pembelajaran, agen perubahan, dan sumber inspirasi. Maka pensyarah Pendidikan Islam seharusnya bersikap kreatif dan inovatif supaya proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah lebih efektif, menarik, dan menyeronokkan.

**Mengenai Kerangka Koseptual.** Tujuan artikel ini adalah untuk mengenalpasti kaedah pengajaran yang disarankan oleh Bahagian Pendidikan Guru bagi setiap bidang dalam Pendidikan Islam. Hal ini jelas menunjukkan bahawa bagi bidang Tilawah Al-Quran ialah *talaqi, musyafahah, tkrar, hafazan, dan tasmi'*. Manakala bagi bidang Aqidah pula ialah perbincangan, bengkel, sumbangsaran, refleksi, dan pengajaran berbantuan komputer. Bidang Ibadah pula, kaedah yang disarankan ialah perbincangan, sumbangsaran, amali, simulasi, kolaborasi, dan pembelajaran koperatif. Bagi bidang Akhlak dan Moral pula ialah kuliah, perbincangan, simulasi, forum, kajian masa depan, pengajaran kontekstual, refleksi, dan aktiviti kumpulan.

Berikut adalah kerangka konseptual bagi artikel ini:



**Rajah 2:**

Kerangka Konseptual Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah di Institut Pendidikan Guru Malaysia

## **PENUTUP**

Kesimpulannya dapatlah difahami bahawa setiap bidang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di IPG (Institut Pendidikan Guru) Malaysia telah disarankan kaedah pengajarannya yang sesuai kepada pensyarah Pendidikan Islam agar objektif pelajaran yang telah ditetapkan bagi setiap bidang tersebut dapat dicapai. Bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran ini sewajarnya pensyarah Pendidikan Islam mengambil berat beberapa faktor yang membantu proses pengajaran dan pembelajaran berkesan, seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, iaitu: (1) Memberi perhatian kepada empat dimensi konsep pengajaran yang berkesan; (2) Melaksanakan pelbagai peranan sebagai guru; (3) Melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran; (4) Mewujudkan pengurusan bilik darjah yang berkesan; serta (5) Mempunyai komunikasi yang berkesan dan sentiasa memberi motivasi kepada para pelajar.

Justeru itu, para pensyarah Pendidikan Islam disarankan sentiasa mengemaskini pengetahuan dan kemahiran dalam memilih kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan agar objektif sukatan pelajaran Pendidikan Islam dapat dicapai dengan optimum.

## **Bibliografi**

- Al-Quran al-Karim*. Kuala Lumpur, Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Abdul Halim El-Muhammady. (1993). "Pendidikan Islam Era 2020: Satu Penghayatan Menyeluruh" dalam *Pendidikan Islam Era 2020: Tasawur dan Strategi*. Selangor: Tekno Edar, ms.14-24.
- Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Pengajian Kurikulum*. Johor Darul Ta'zim: Penerbit UTM [Universiti Teknologi Malaysia].
- Abdull Sukor Shaari. (2008). *Guru Berkesan: Petua dan Panduan*. Sintok, Kedah: Penerbit UUM [Universiti Utara Malaysia].
- Ab Halim Tamuri & Kamarul Azmi Jasmi. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Darul Ta'zim: Penerbit UTM [Universiti Teknologi Malaysia].
- Ahmad Mohd Salleh. (2004). *Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah, dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Selangor Darul Ehsan: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Mohd Salleh. (2008). *Pengajian Agama Islam & j-QAF: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Bender, Yvonne. (2008). *Keberkesanan dalam Pengajaran secara Positif: 35 Strategi Berkesan untuk Penglibatan Pelajar secara Aktif dan Bersemangat di dalam Kelas*. Selangor: Wisdom Mind Resources Sdn. Bhd., Terjemahan Prof. Madya Dr. Azarae Hj Idris.

- BPI KPM [Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia]. (2011). "Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan Islam di Malaysia". *Kertas Kerja* dibentangkan dalam Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Islam di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, pada 23-24 Februari.
- Coombs, Bryan. (2009). *Mengajar secara Efektif*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, Terjemahan oleh Siti Aishah Mohd Elias.
- Ghazali Darusalam. (2001). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Highet, Gilbert. (1964). *The Art of Teaching*. London: Oxford University Press.
- JAKIM [Jabatan Kemajuan Islam Malaysia]. (2000). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir, cetakan kesebelas.
- KPM [Kementerian Pelajaran Malaysia]. (2003). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam: Pengajian Asas Kursus Perguruan Lepas Ijazah (Sekolah Rendah)*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- KPM [Kementerian Pelajaran Malaysia]. (2006). *Panduan Budaya Institut Pendidikan Guru (IPG)*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- KPM [Kementerian Pelajaran Malaysia]. (2008). *Nota dan Latihan Persediaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) Kompetensi Fungsi (Khusus)*. Selangor: PNI Neuron (M) Sdn. Bhd.
- Robiah Sidin. (1998). *Pemikiran dalam Pendidikan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Syed Muhammad al-Naquib al-Attas. (1980). *Konsep Pendidikan dalam Islam*. Bandung, Indonesia: Penerbit Mizan.
- Turner-Bisset, Rosie. (2009). *Pengajaran Pakar*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, Terjemahan Mohd Fauzi Yaacob.
- Zawawi Hj Ahmad. (1994). "Pendidikan Islam: Ditinjau daripada Sudut Prinsip, Konsep, dan Matlamatnya" dalam *Pendidikan Islam: Peranannya dalam Pembangunan Ummah*. Selangor: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, ms.13-60.



Para pensyarah Pendidikan Islam disarankan sentiasa mengemaskini pengetahuan dan kemahiran dalam memilih kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan agar objektif sukatan pelajaran Pendidikan Islam dapat dicapai dengan optimum.